



6 September 2021
6 September 2021
P.U. (A) 351

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PERKHIDMATAN KEWANGAN (KEHENDAK
DAN PENGEMUKAAN DOKUMEN ATAU MAKLUMAT)
(PERNIAGAAN BERDAFTAR) (PINDAAN) 2021

*FINANCIAL SERVICES (REQUIREMENTS AND SUBMISSION
OF DOCUMENTS OR INFORMATION) (REGISTERED
BUSINESS) (AMENDMENT) ORDER 2021*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013

PERINTAH PERKHIDMATAN KEWANGAN (KEHENDAK DAN PENGEMUKAAN
DOKUMEN ATAU MAKLUMAT) (PERNIAGAAN BERDAFTAR) (PINDAAN) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 17(1)(a) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [*Akta 758*], Bank Negara Malaysia membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perkhidmatan Kewangan (Kehendak dan Pengemukaan Dokumen atau Maklumat) (Perniagaan Berdaftar) (Pindaan) 2021**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2021.

Pindaan Jadual 1

2. Perintah Perkhidmatan Kewangan (Kehendak dan Pengemukaan Dokumen atau Maklumat) (Perniagaan Berdaftar) 2013 [*P.U. (A) 206/2013*] dipinda dalam Jadual 1, dalam Bahagian 1, dengan memasukkan selepas butiran 3 butiran yang berikut:

“4. Jika pemohon bukan institusi kewangan yang dikawal selia di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Bank, pemohon itu hendaklah mempunyai dana modal minimum—

(a) RM300,000, jika amaun sebenar atau unjuran nilai purata transaksi bulanan kurang daripada RM10,000,000; atau

(b) RM1,000,000, jika amaun sebenar atau unjuran nilai purata transaksi bulanan lebih daripada RM10,000,000.